

09 AUG 2002

Mahathir-Perak

DR MAHATHIR LAWAT PERAK ESOK

IPOH, 9 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melawat Perak esok dengan aturcara beliau bermula dengan kunjungan ke Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) di Tanjong Malim pada pukul 9 pagi.

Menurut satu kenyataan Jabatan Penerangan, Dr Mahathir akan mendengar taklimat pembangunan institusi pendidikan perguruan tertua di negara ini sebelum mengadakan dialog dengan kakitangan dan pelajar di situ.

Dr Mahathir dan rombongan kemudiannya akan bertolak ke Ipoh dengan helikopter dengan beliau dijadual mengadakan perjumpaan tertutup bersama jawatankuasa Perhubungan Umno Negeri di kediaman Menteri Besar, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali.

Selepas itu, Dr Mahathir yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) akan menghadiri jamuan makan tengah hari bersama pemimpin-pemimpin BN negeri, kata kenyataan itu lagi.

Pada kira-kira pukul 3.45 petang, Perdana Menteri akan menutup secara rasmi kejohanan badminton Piala Perdana bagi isteri-isteri Menteri dan wakil rakyat di Stadium Indera Mulia, di sini.

Sebanyak 12 pasukan dari seluruh negara sedang menyertai kejohanan itu yang bermula dua hari lepas.

Pada sebelah malamnya, Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali akan menghadiri majlis makan malam sempena kejohanan itu di Dewan Banquet, Bangunan Perak Darulridzuan.

Kelab Penyokong BN Negeri Perak juga mengambil kesempatan lawatan Dr Mahathir itu untuk meraikan 21 tahun perkhidmatan beliau sebagai Perdana Menteri pada majlis yang sama.

Dr Mahathir dan rombongan dijangka pulang ke Kuala Lumpur selepas selesainya majlis itu, menurut kenyataan itu.

-- BERNAMA

AR PR